

03 AUG 2001

Dewan-Hangus

DEWAN SERBAGUNA MPKB MUSNAH TERBAKAR

KOTA BAHARU, 3 Ogos (Bernama) -- Dewan Perbandaran Kota Baharu (MPKB), tempat berlangsungnya "Pesta Barangan Kilang Tempatan" sejak 25 Julai lepas, musnah dalam satu kebakaran hari ini.

Kebanyakan pengusaha yang berniaga di pesta barangan itu gagal menyelamatkan barangan jualan mereka kerana kebakaran berlaku sebelum waktu perniagaan bermula pada pukul 11 pagi, melibatkan kerugian RM1 juta.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Kelantan Zamri Ibrahim berkata pihaknya menerima laporan kejadian itu pukul 9 pagi dan berjaya mengawal kebakaran itu sejam kemudian.

Daripada siasatan awal dipercayai kebakaran itu berpunca daripada litar pintas, katanya.

Dewan MPKB berharga RM4 juta itu dibuka pada 1996 dan sering dijadikan pusat mengadakan pelbagai program masyarakat termasuk untuk kegiatan sukan tertutup, pameran dan perhimpunan.

Ia juga dijadikan tempat pelancaran Amanah Saham Didik oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 25 April lepas.

Seorang promoter syarikat tekstil yang berniaga di pesta itu, Habibah Mohamad, 28, berkata beliau melihat asap tebal keluar melalui bumbung dewan berkenaan ketika tiba di situ kira-kira pukul 9 pagi.

Beliau berkata syarikatnya membuat jualan sebanyak RM2,000 sehari di pesta itu dan kini menanggung kerugian besar kerana kesemua barangan jualannya hangus.

Seorang pembantu jualan, Sharifah Norasyira Mohammad, 18, berkata beliau hanya menyedari mengenai kebakaran itu apabila datang untuk membuka gerai menjual peralatan elektrik pada pukul 11 pagi.

"Semuanya musnah. Tak ada barang yang dapat diselamatkan," katanya.

Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Yang Dipertua MPKB Ramli Abu Bakar turut melawat tempat kejadian.

-- BERNAMA

MNR RAR RON